

25 NOV 1997

LIMA-Perjanjian (Bergambar)

SEBANYAK 16 PERJANJIAN PEMBELIAN PESAWAT SEMASA LIMA '97

LANGKAWI, 25 Nov (Bernama) -- Sebanyak 16 perjanjian pembelian pesawat akan ditandatangani semasa berlangsungnya Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '97) mulai 2 hingga 7 Dis ini.

Pengurus Kanan Le Proton Lima Sdn Bhd, Megat Nawawi Megat Hamid berkata perjanjian akan melibatkan beberapa syarikat terbesar luar negara dengan syarikat tempatan termasuk pembelian beberapa pesawat Boeing.

"Nilai perjanjian itu tidak dipastikan tapi dianggarkan beribu juta ringgit," katanya kepada pemberita selepas menyambut ketibaan pesawat kedua terbesar "Antonob" milik Rusia di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini hari ini.

Pesawat itu yang dipandu Kapt. Machhtchenko Valentin membawa komponen dan peralatan pesawat yang akan mengambil bahagian pada pameran udara LIMA 1997 nanti. LIMA '97 akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya persiapan bagi pertunjukan udara sedang rancak berjalan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di Padang Matsirat di sini.

Beliau berkata sebanyak 620 syarikat dari 41 negara mengesahkan untuk mengambil bahagian pada pameran udara itu.

LIMA '97 akan diadakan di MIEC bagi pameran udara dan di Tanjung Malai bagi pameran maritim.

Beliau memberi jaminan bahawa kawalan keselamatan akan ditingkatkan kerana ramai pengunjung dijangka berkunjung menyaksikan LIMA '97.

Sementara itu, sebuah pesawat Illuyshin 76 dari Dubai tiba di sini semalam untuk mengambil bahagian pada LIMA. -- BERNAMA

ZI AKD